

19 SEP 2003

DUTA-CHINA

CHINA DIJAMIN PENERUSAN HUBUNGAN EKORAN LAWATAN TPM

KUALA LUMPUR, Sept 19 (Bernama) -- Lawatan baru-baru ini ke China oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah memberi jaminan kepada para pemimpin China bahawa hubungan antara kedua-dua buah negara yang dimulai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berterusan.

Duta Besar Malaysia ke China Datuk Abdul Majid Ahmad Khan berkata, hubungan itu kini berada pada tahap terbaik dan pada tahun hadapan Malaysia akan merayakan ulang tahun ke-30 hubungan diplomatik dengan China.

"Sejak beberapa tahun dahulu, hubungan antara kedua-dua buah negara telah berkembang dalam semua aspek dan lawatan baru-baru ini telah meningkatkan hubungan itu ke satu tahap lain," katanya kepada Bernama di luar acara persidangan pada Persidangan Kemuncak Perkongsian Malaysia-China 2003 di sini hari ini.

Persidangan dua hari yang berakhir hari ini yang bertajuk 'Broadening the Grounds for Partnership, Realising the Promise of China's Progress' dianjurkan oleh Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli).

Abdullah, yang akan menggantikan Dr Mahathir selepas Perdana Menteri bersara selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bulan hadapan, pulang ke Kuala Lumpur semalam selepas mengetuai delegasi para pemimpin politik dan perniagaan Malaysia yang berpengaruh dalam lawatan lima hari ke China.

"Kita perlu mengiktiraf bahawa China sedang cepat menuju ke hadapan sebagai sebuah ekonomi yang teguh dan sumbangannya kepada rantau ini dalam tahun-tahun akan datang merupakan sesuatu yang besar," kata Abdul Majid.

Katanya, Malaysia perlu mengsinergikan dan mengambil kesempatan perkara ini.

"Saya ingin menasihati masyarakat perniagaan Malaysia untuk mengambil sikap yang betul yang strategik dengan mengambil kira pasaran China.

"Mereka juga perlu mengambil kesempatan daripada peluang yang ada agar kita boleh mendapat faedah daripada peningkatan ekonomi China," katanya.

Abdul Majid berkata semua beranggapan bahawa China akan menyumbang secara positif dan memainkan peranan penting di rantau ini di segi pembangunan ekonomi.

Beliau turut menasihati pelabur Malaysia mengingati beberapa faktor untuk memastikan kejayaan apabila meneroka di China.

Duta Besar itu berkata, keadaan di China menghadapi banyak persaingan kerana wujudnya banyak pesaing.

"Semua orang ada di sana dan persaingan sangat sengit. Ada juga perbadanan multinational," katanya.

Abdul Majid berkata, pelabur mestilah telah bersiap sedia sebelum meneroka pasaran China.

"Mereka perlu melaksanakan kajian kemungkinan dan tahu apa matlamat masing-masing. Mereka tidak boleh hanya berkata Oh, di sana adalah pasaran yang besar dan saya rasa saya boleh buat keuntungan dengan segera," kata Abdul Majid.

Katanya, itu bukannya pendekatan yang betul kerana mereka akan menghadapi banyak masalah kelak.

"Para pelabur juga mesti memastikan mereka mempunyai sokongan kewangan yang mencukupi agar tidak terkandas separuh jalan. Dan mereka juga perlu mencari satu rakan kongsi yang bagus dan yang betul," katanya. -- BERNAMA

TNS TJK AHM

